



## SIARAN MEDIA

### 'PTPTN LAKSANA USAHA SAMA BERSAMA BANK ISLAM : PERLUAS SALURAN BAYARAN BALIK PINJAMAN MELALUI *DIRECT DEBIT*'

**2 November 2016, Kuala Lumpur** – PTPTN hari ini menandatangani memorandum persefahaman dengan Bank Islam dalam kolaborasi strategik pelaksanaan bayaran balik pinjaman PTPTN melalui kaedah *direct debit*.

Usaha sama di antara PTPTN dan Bank Islam ini merupakan saluran baharu bagi bayaran balik pinjaman PTPTN serta merupakan salah satu strategi bagi kemudahan bayaran balik kepada peminjam. Dengan pelaksanaan ini, peminjam PTPTN boleh membuat bayaran balik melalui akaun semasa mahupun simpanan sama ada akaun persendirian atau bersama yang disediakan daripada 22 bank terlibat.

Ketua Eksekutif PTPTN, YBhg. Encik Wan Ahmad Wan Yusoff berkata, "langkah ini merupakan strategi lautan biru yang berjaya direalisasikan antara PTPTN dan Bank Islam dalam usaha memberikan kemudahan dan kebaikan kepada peminjam PTPTN. Kaedah bayaran melalui *direct debit* dapat memastikan bayaran balik peminjam dilaksanakan secara konsisten pada setiap bulan serta melayakkan mereka menikmati diskaun 10% sebagaimana pengumuman Bajet 2017. Kaedah bayaran ini juga dapat mengelakkan berlakunya tunggakan sekali gus peminjam tidak dikenakan sebarang tindakan penguatkuasaan seperti senarai hitam Jabatan Imigeresen Malaysia dan saman serta memastikan rekod baik di dalam CCRIS".

Melalui insentif Bajet 2017, diskaun 10% diberikan kepada peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik melalui saluran potongan gaji atau *direct debit* mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan.

Dato' Sri Zukri Samat, Pengarah Urusan Bank Islam berkata, "Melalui usaha sama ini, kami berharap hubungan sedia ada antara Bank Islam dan PTPTN akan dapat diperkuuhkan lagi dan diteruskan pada masa hadapan bagi manfaat bersama. Kemudahan bayaran melalui *direct debit* ini bertujuan untuk lebih memudahkan PTPTN dan para peminjam. Bank Islam akan menanggung caj pendaftaran RM2.00 dan juga caj transaksi bulanan sebanyak RM0.80 bagi kemudahan ini. Langkah ini diharap dapat mengurangkan beban para peminjam melalui penjimatan kos dibandingkan dengan proses pembayaran sedia ada. Selain itu, Bank Islam juga menyediakan terminal bagi pembayaran balik pinjaman PTPTN melalui kad kredit dan debit yang terletak di kesemua pejabat PTPTN di seluruh Negara. Kedua-dua

kemudahan ini diharap dapat meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dari segi operasi bagi kedua-dua pihak PTPTN dan Bank Islam."

Pengarah Urusan MyClear, Peter Schiesser berkata, "Perjanjian usaha sama antara PTPTN dan Bank Islam pada hari ini merupakan satu lagi langkah ke arah mengembangkan penggunaan pembayaran secara elektronik di Malaysia.

Selaras dengan perkembangan teknologi dan inovasi, kaedah pembayaran secara elektronik, akan memberikan manfaat yang besar kepada para peniaga dan Biller, kerana ia mengurangkan kos menjalankan perniagaan melalui pengurangan kos pengendalian wang tunai dan cek serta membolehkan pengagihan sumber yang lebih produktif."

Permohonan bayaran balik melalui *direct debit* adalah terbuka untuk bayaran balik pinjaman konvensional mahupun Ujrah. Jumlah bayaran balik melalui *direct debit* mestilah sama atau melebihi jumlah ansuran bulanan yang ditetapkan. Permohonan *direct debit* untuk bayaran balik pinjaman boleh menggunakan akaun semasa atau simpanan peminjam mahupun individu lain.

Peminjam PTPTN boleh mendapatkan Borang Permohonan *Direct Debit* di kaunter Pejabat PTPTN di seluruh negara bermula 1 November 2016 dan borang yang telah dilengkapkan perlu di hantar ke mana-mana kaunter PTPTN yang terdekat. Permohonan akan diproses dalam tempoh 21 hari bekerja.

Sehingga 30 September 2016 , seramai 1.2 juta peminjam (61%) telah membuat bayaran balik pinjaman PTPTN manakala seramai hampir 740,000 peminjam (39%) belum memulakan sebarang pembayaran.

---

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

**Rina Abd Rahman – 0193888733                  Muhamad Haikal Asmawi – 0123449549                  (PTPTN)**

**Wan Norkhairi Wan Samad – 0193394491                  Omar Atin – 0193919144 (BANK ISLAM)**

-####-

### **Mengenai PTPTN**

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1997. Objektif penubuhan PTPTN adalah memastikan pinjaman yang efisien disediakan kepada pelajar-pelajar yang layak mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) selaras dengan hasrat kerajaan bahawa tidak ada pelajar-pelajar yang gagal memasuki IPT atas sebab-sebab kewangan. Antara fungsi PTPTN adalah menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi dan mengutip bayaran balik pinjaman serta menyediakan skim simpanan dan mengurus deposit untuk tujuan pendidikan tinggi.

PTPTN turut memperkenalkan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i / SSPN-i Plus) dalam usaha menggalakkan penabungan kepada masyarakat Malaysia untuk tujuan perancangan kewangan bagi pendidikan tinggi, tanpa bergantung sepenuhnya kepada

pinjaman. Ia merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang berlandaskan syariah menggunakan konsep 'Wakalah Bil Istithmar'.

PTPTN sebagai peneraju pembiayaan pendidikan tinggi negara akan terus berperanan mengurus sumber kewangan bagi pembiayaan pendidikan pelajar-pelajar di IPT dan menggalakkan perancangan kewangan yang rapi bagi penabungan yang berterusan bagi untuk tujuan pendidikan kepada masyarakat. Untuk maklumat lanjut layari [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau hubungi *Careline* PTPTN di talian 03 - 2193 3000.

### **Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 145 cawangan dan lebih daripada 1200 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

### **Mengenai Malaysian Electronic Clearing Corporation(MyClear)**

Ditubuhkan pada tahun 2008, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear) adalah subsidiari pembayaran milik penuh Bank Negara Malaysia.

MyClear berperanan mengendalikan sistem pembayaran bertaraf dunia dan menyediakan infrastruktur pasaran kewangan yang selamat dan efisien bagi mengukuhkan pembangunan sistem kewangan Malaysia serta ekonomi secara keseluruhannya.